

## MODEL ULUL ALBAB DALAM PENDEKATAN PSIKOLOGI DAKWAH TAFSIR AL-AZHAR

**Mohd Azmani Firdaus Abd Razak Husin\***

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
Kampus Segamat, Jalan Universiti Off Km. 12 Jalan Muar,  
85000 Segamat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia

**Syaimak Ismail**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: azman1razak30@gmail.com*

### **Article history:**

*Received : 4 Mei 2023*

*Accepted : 22 Jun 2023*

*Published : 29 September 2023*

## **ABSTRAK**

Ulul Albab merupakan satu generasi berakhhlak dan memiliki kualiti yang baik menurut al-Qur'an. Melahirkan generasi masyarakat yang mempunyai ciri-ciri positif seperti kumpulan ulul albabb merupakan suatu matlamat yang ingin dicapai dalam sebuah kelompok masyarakat Islam. Keberadaan Ulul Albab dalam institusi masyarakat kontemporari dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pembangunan sosial dalam kalangan generasi awalan serta memandu masyarakat ke arah pemilikan pemikiran yang kritis, berakhhlak dan beriman. Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat 16 ayat di dalam al-Qur'an yang menyebut tentang kisah berkaitan generasi Ulul Albab daripada sudut latarbelakang sejarah dan akhlak serta keimanan yang dimiliki kumpulan ini. Penyelidikan ini adalah bersandarkan kepada pentafsiran HAMKA di dalam kitab tafsir al-Azhar berkaitan pencirian Ulul Albab menurut tafsiran HAMKA. Matlamat di dalam penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti 16 ayat yang menyebut tentang cir-ciri ulul albabb. Kajian ini juga bertujuan untuk membangunkan sebuah model Ulul Albab melalui psikologi dakwah berdasarkan kitab tafsiran HAMKA. Bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan berteraskan kepada kajian perpustakaan dan analisis dokumen iaitu kitab tafsir al-Azhar karangan HAMKA. Hasil kajian mendapati, terdapat lima elemen utama yang perlu diketengahkan untuk melahirkan Ulul Albab menurut pencirian daripada tafsiran kitab Al-Azhar.

**Kata kunci:** Model Ulul Albab; Psikologi Dakwah; Tafsir; Al-Azhar

## **THE ULUL ALBAB MODEL IN THE PSYCHOLOGICAL APPROACH OF DAKWAH ACCORDING TO TAFSIR AL-AZHAR**

### **ABSTRACT**

*According to the al-Qur'an, Ulul Albab is a generation with good morals and characteristics. Giving birth to a generation of people with positive attributes, such as the Ulul Albab group, is an aim that a Muslim community group should strive for. The presence of Ulul Albab in contemporary society's institutions can serve as a catalyst for the growth of social development among younger generations as well as guide society towards critical thinking, morals, and religion. According to the research, there are 16 verses in the Qur'an that mention stories about the Ulul Albab generation from the standpoint of their historical background, morals, and faith. This investigation is based on This study is based on the al-Azhar book of explanation connected to the characteristics of Ulul Albab according to the interpretation of HAMKA. The goal of this study is to find 16 verses that mention the features of Ulul Albab. This research also intends to create an Ulul Albab model through preaching psychology based on the interpretation of the book of HAMKA. This is a qualitative study based on library research and document analysis of the al-Azhar commentary book by HAMKA. According to the study's findings, there are five essential characteristics that must be stressed in order to form Ulul Albab, according to the description from the al-Azhar book interpretation.*

**Keywords:** Model Ulul Albab; Psychology Dakwah; Tafsir Al-Azhar

### **PENGENALAN**

Al-Qur'an merupakan sumber wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W buat rujukan dan pedoman umat nabi Muhammad SAW. Al-Qur'an diciptakan dengan bahasa tersendiri dan menggunakan dialek bahasa yang tidak sama dengan dialek yang digunakan oleh orang Arab pada ketika penurunannya (Mohd Arshad, 2015; Manaf et.al., 2015). Penzahiran mukjizat al-Qur'an adalah bukti ayat kebenaran yang diturunkan sebagai panduan kepada umat manusia agar mengikut jalan yang lurus (Mohd Arshad, 2015; Manaf et.al., 2015). Sebanyak 16 kali perkataan Ulul Albab atau *Ulil Albab* telah disebut di dalam ayat al-Qur'an berdasarkan 10 surah (Arief Efendi, 2014). Penekanan serta pengulangan perkataan ini menunjukkan bahawa kepentingan utama didalam membina prospek Ulul Albab dalam usaha membentuk generasi unggul berdasarkan penguasaan ilmu pengetahuan dan ketinggian akal fikiran (Mohd Arshad, 2015; Manaf et.al., 2015).

Dalam usaha untuk melahirkan generasi Ulul Albab ini pelbagai inisiatif telah dikenalpasti oleh penyelidik bagi membangunkan kembali generasi Ulul Albab. Usaha untuk memelihara dan memancarkan kembali nilai-nilai asas sesebuah masyarakat khususnya dalam kalangan generasi muda hari ini perlu dilaksanakan. Penekanan daripada aspek pendidikan perlu dilakukan secara menyeluruh perlu diambil kira bagi membentuk sahsiah yang komprehensif selain dapat menyemai jati

diri seorang remaja agar lebih berakhhlak mulia dan bertamadun (Imtihanah, 2016). Oleh yang demikian, penerapan aspek pendidikan merupakan elemen terpenting dalam pembentukan generasi Ulul Albab era kontemporari (Danial, 2015). Sehubungan itu, kajian ini membina sebuah model khas pencirian generasi Ulul Albab mengikut tafsiran HAMKA melalui psikologi dakwah.

## PENGENALAN ULUL ALBAB

Merujuk kepada Kamus al-Marbawi, perkataan Ulul Albab daripada sudut bahasa berasal daripada dua perkataan iaitu Ulu dan Albab (Abdullah, 2006). ‘Ulu’ bermaksud mempunyai atau memiliki manakala ‘Albab’ pula bermaksud pati, akal yang bersih dan hati (Abdullah, 2006). Perkataan ‘Albab’ ini merupakan kalimah *jama* yang berasal dari kata dasar *lubb* (Abdullah, 2006). Ulul Albab dinyatakan di dalam al-Qur'an sebagai satu golongan manusia yang diberikan keistimewaan (*gifted*). Generasi Ulul Albab merupakan sekelompok masyarakat mahupun individu yang mempunyai kepakaran dan arif terhadap sesebuah bidang ilmu pengetahuan yang diceburi (Abdullah, 2006). Mereka juga berperanan sebagai ejen perubahan kepada sesebuah pembangunan masyarakat dan peradaban yang lebih bertamadun dan berkaliber selari dengan kemajuan teknologi era kontemporari (Abdullah, 2006).

Akal fikiran yang dikurniakan digunakan sebaik mungkin dengan meletakkan sesuatu pada tempatnya adalah salah satu ciri yang ada dalam diri generasi Ulul Albab. Golongan ini juga diistilahkan sebagai ulama' ensiklopedik, mahir dalam ilmu fardu ain dan fardu kifayah (Abdullah, 2006) serta memiliki dua kekuatan zikir dan fikir (Danial, 2015). Konsep zikir dikaitkan dengan ketinggian keimanan, ketiaamanan kepada ibadah, pengawalan emosi dan pemantapan sumber rohaniah individu (Danial, 2015). Zikir juga memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah diri, individu dan masyarakat agar sentiasa di bawah lindungan-Nya (Mohd Arshad, 2015; Manaf et.al., 2015). Manakala konsep fikir pula menjurus kepada kecerdasan minda serta kecergasan fizikal (Danial, 2015).

Generasi Ulul Albab dilihat sebagai aset yang bernilai kepada ketamadunan sebuah peradaban. Selaras dengan tuntutan ini, maka kurikulum yang memenuhi keperluan serta sejajar dengan usaha kerajaan dalam menghasilkan generasi yang mampu menghadapi cabaran semasa dan cabaran masa akan datang dengan penuh persediaan dan susunan rapi haruslah dilahirkan (Fariza, 2015; Azyyzati, 2015). Justeru itu, pembangunan generasi Ulul Albab di dalam menggalakkan pertumbuhan generasi masyarakat yang berwibawa serta berintelektual tinggi adalah teras utama bagi menyemarakkan semangat jati diri bangsa serta mengambil kira proses pemikiran yang kritis terhadap pemupukan intelektual anak bangsa berjaya (Imtihanah, 2016).

Pembangunan generasi Ulul Albab di dalam al-Qur'an, mengambil kira perspektif pemikiran sebagai ulasan utama dalam membangunkan generasi zikir dan fikir yang mapan dan mampu berdaya saing secara sihat dan progresif (Fariza, 2018). Konsep pemikiran yang mendalam, analitikal, mengambil pemerhatian secara mendalam terhadap sesuatu ideologi dan pandangan, ini adalah hasil cerminan penaakulan yang berjaya dilaksanakan oleh generasi berpemikiran tinggi dan professional (Danial, 2015). Keupayaan generasi Ulul Albab di dalam

memanifestasikan keistimewaan al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai wadah pembentukan ummah dan merealisasikan wawasan tamadun yang berwibawa (Danial, 2015). Generasi Ulul Albab inilah solusi terbaik di dalam memelihara serta meneruskan legasi kepimpinan bangsa supaya terus berada dipersada dunia dalam usaha memartabatkan ilmu pengetahuan, menajamkan akal fikiran dan kebolehsediaan memelihara maruah diri dalam mempertahankan perkara yang hak dan menghindarkan yang batil (Danial, 2015).

## PERBAHASAN ULUL ALBAB DALAM AL-QURAN

Secara keseluruhan, terdapat 16 ayat yang merangkumi 10 surah yang berkaitan Ulul Albab. Surah-surah yang menjadi rujukan kepada penyelidik dalam usaha membangunkan generasi Ulul Albab adalah terdiri daripada surah al-Baqarah, Ali-Imran, al-Maidah, Yusuf, Rad', Ibrahim, Shaad, az-Zumar, al-Ghaafir dan at-Thalaq. Surah-surah yang terlibat memperincikan secara mendalam ayat-ayat yang berkaitan. Penyelidik telah mengkelaskan setiap ayat dan memperincikan setiap surah yang terlibat. Menurut HAMKA, terdapat sepuluh surah yang berkaitan Golongan Ulul Albab ini. Ayat-ayat al-Qur'an daripada mushaf usthmani ini diambil dan dijadikan sandaran kepada penyelidikan yang dilakukan.

**Jadual 1:** Dapatan Surah dan Ayat Al-Qur'an Berkaitan Generasi Ulul Albab

Jenis Surah	Ayat-Ayat Ulul Albab	Juzu'	Status Penurunan
Al-Baqarah	179, 197 & 269	2 & 3	Madaniyyah
Ali-Imran	7 & 190	3 & 4	Madaniyyah
Al-Maidah	100	7	Madaniyyah
Al-Yusuf	111	13	Makiyyah
Ar-Rad'	19	13	Madaniyyah
Ibrahim	52	13	Makiyyah
Shaad	29 & 43	23	Makiyyah
Az-Zumar	9, 18 & 21	23	Makiyyah
Ghafir	54	24	Makiyyah
Thalaq	10	28	Madaniyyah

(Sumber: *Kitab al-Azhar*)

Di dalam 10 surah terlibat, terdapat 16 ayat yang menyebut perkataan Ulul Albab ini. Surah-surah tersebut adalah surah al-Baqarah berdasarkan ayat 179, 197 dan 269, surah Ali Imran berdasarkan ayat 7 dan 190, surah al-Maidah berdasarkan ayat 100, surah Yusuf berdasarkan ayat 111, surah ar-Ra'd berdasarkan ayat 19, surah Ibrahim berdasarkan ayat 52, surah Shaad berdasarkan ayat 29, 43, surah az-Zumar berdasarkan ayat 9,18, 21, surah Ghafir berdasarkan ayat 54 dan surah Thalaq berdasarkan ayat 10. Juzu' al-Qur'an yang berkaitan dengan ayat-ayat Ulul

Albab ini adalah Juzu' 2, 3,4,7,13,23,24,28. Daripada 10 surah ini, lima daripadanya diturunkan di Mekah dan lima surah yang selebihnya diturunkan di Madinah. Sila rujuk Jadual 1.

## PENDEKATAN PSIKOLOGI DAKWAH

Menurut satu pengenalan yang paling sesuai dikemukakan oleh Arifin (1991), iaitu psikologi dakwah dapat didefinisikan sebagai ilmu pengetahuan yang bertugas mempelajari dan membahaskan tentang segala entiti yang hidup, kejawaan manusia yang terlibat dalam proses kegiatan dakwah (Arifin, 1991). Oleh disebabkan itu, perubahan individu muslim ke arah kehidupan yang lebih berkualiti bergantung kepada tahap-tahap pengalaman hidup yang dilaluinya dan bagaimana maklumat diserap hasil interaksi sekeliling (Abdullah, 2006). Proses nasihat-menasihati merupakan amalan berterusan yang saling membina dan membangun keperibadian individu dan ummah bertaraf Ulul Albab (Danial, 2015).

Oleh itu, bagi memenuhi keperluan fitrah kemanusiaan yang mempunyai kekuatan dari segi prospek intelektual yang tinggi, pembangunan generasi Ulul Albab menerusi pendekatan dakwah dan elemen psikologi merupakan dua proses yang bergantungan antara satu sama lain dan mempunyai matlamat yang sama ke arah keperluan peningkatan kualiti hidup (al-Attas, 2015). Proses menasihat secara bersistematis berkait rapat dengan asas penciptaan individu yang berwawasan dan mempunyai kekuatan fizikal dan kerohanian (al-Attas, 2015).


Pendekatan psikologi dakwah tersebut sebenarnya telah lama berkembang di Malaysia, terutama di sekolah-sekolah, Jabatan Agama, Pusat Khidmat Masyarakat yang dikendalikan oleh NGO dan swasta (Imtihanah, 2016). Dalam konteks dakwah Islamiah, perkhidmatan psikologi dakwah masih belum berkembang pesat dan belum meluas digunakan dalam kehidupan harian (Ariffin, 1991). Sedangkan, psikologi yang melibatkan proses membantu seseorang mengatasi masalah menerusi bimbingan dan nasihat mempunyai persamaan dengan konsep *irsyad* yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam penyebaran dakwahnya (al-Attas, 2015).

Penerapan nilai dakwah dalam psikologi adalah suatu saranan baru dalam dunia psikologi. Namun begitu, jika ditinjau dalam disiplin sains sosial yang lain, penerapan nilai dakwah mempunyai kesinambungan dengan pandangan Ismail R. Al-Faruqi (1989), Abdul Hamid al-Hashimi (1989) dan Kamal Ibrahim Mursi & Bashir al-Rashidi (1990), yang menyarankan agar pengislaman disiplin psikologi dan kaunseling dilakukan (Mohd. Arshad, 2015; Manaf et.al., 2015). Malah pada 1990, pelancaran khidmat kaunseling SAHABAT oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia merupakan satu program perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang cuba melihat pendekatan secara sepadu dan cuba menjadikan psikologi kaunseling sebagai satu cara dakwah untuk agama Islam (al-Attas, 2015).

Pendekatan psikologi dakwah digunakan terhadap generasi kini dalam menumpukan terus kepada pemulihan dari aspek jiwa dan rohani individu tersebut (Fariza, 2019). Psikologi dakwah merupakan dua gabungan perkataan iaitu psikologi dan dakwah yang saling mempunyai hubungan antara keduanya (Fariza, 2019). Bagi menjelaskan hubungan ini, dipetik penjelasan yang diberikan oleh Abdullah (2006), menjelaskan bahawa psikologi dakwah itu ialah dakwah mengikut cara psikologi,

penggunaan psikologi dalam dakwah, dakwah melalui pendekatan psikologi dan kajian jiwa manusia untuk dakwah (al-Attas, 2015). Seterusnya psikologi dakwah diertikan juga sebagai ilmu pengetahuan yang bertugas mempelajari dan membahaskan tentang segala gejala hidup kejiwaan manusia yang terlibat dalam proses kegiatan dakwah (Ariffin, 1991).

Manakala menurut Jamaluddin Kafie (1993), dalam bukunya Psikologi Dakwah, telah mengkategorikan psikologi dakwah termasuk dalam pembicaraan metod dakwah yang menggabungkan antara ilmu psikologi dan dakwah. Mengenai sumbangan psikologi dakwah terhadap penyelesaian kepada pelbagai masalah manusia pernah dibentangkan oleh Norazlan Hadi Yaacob dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam Persidangan Psikologi Malaysia 2003. Sila rujuk Rajah 1.




Rajah 1: Pendekatan Psikologi Dakwah HAMKA Menerusi Tafsiran al-Azhar

Psikologi dakwah merupakan satu alat bantu atau satu pendekatan dakwah yang boleh digunakan oleh penyelidik dalam membangunkan generasi Ulul Albab mengikut acuan HAMKA. Antara pendekatan psikologi dakwah yang boleh digunakan untuk membangunkan generasi Ulul Albab ini, antara pendekatannya ialah *al-Hikmah* (Fariza, 2019), *Mauizzah Hasanah* (Fariza, 2019), *at-Tarbiyah*, *al-Mujadalah* (Azzyati, 2015; Fariza, 2015 & Hamjah, 2015) dan *at-Targhib wat Tarhib* (Fariza, 2019). Dalam penyelidikan ini hanya menumpukan kepada pendekatan psikologi dakwah menerusi tafsiran HAMKA dalam kitab tafsir al-Azhar sahaja.

Sebagaimana ditegaskan dakwah bertujuan untuk memberi bimbingan kepada manusia supaya menuju kepada keselamatan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat. Melalui dakwah, manusia diubah supaya berada dalam acuan Ilahi untuk menjamin kesejahteraan tersebut. Dakwah memerlukan satu mekanisme efisien seperti ilmu psikologi kerena mempunyai keberkesanan yang tinggi (al-Attas, 2015).

## MODEL ULUL ALBAB

Berdasarkan pembinaan model yang dibina ini telah membuaikan lima elemen hasil pengamatan dan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik di dalam kitab tafsir al-Azhar karangan HAMKA. Penekanan lima buah elemen utama yang menjadi tonggak kepada kebolehmenjadian personaliti Ulul Albab kebanggaan dunia ukhrawi itu sendiri adalah berwajahkan perspektif *bil hikmah, mahu Aisyah Hasanah, Al mujadalah, at-tarbiyyah, targhib* dan *tarhib* (HAMKA, 1985). Sila rujuk Rajah 2.



**Rajah 2:** Model Pembangunan Generasi Ulul Albab Melalui Pendekatan Psikologi Dakwah Menerusi Pentafsiran HAMKA Dalam Tafsir Al-Azhar

Kelima-lima elemen ini merupakan asas utama kepada pembinaan generasi Ulul Albab yang kompeten berteraskan kepada kitab tafsir al-Azhar karangan HAMKA itu sendiri. Elemen-elemen ini akan dihuraikan secara mendalam oleh penyelidik bagi memperlihatkan serta menzahirkan mesej serta pesanan yang realistik dalam menggambarkan sebuah generasi Ulul Albab yang kompeten. Generasi Ulul Albab ini diibaratkan seperti membujur lalu melintang patah. Tetap tegak berdiri dalam mempertahan dan memperjuangkan semangat agenda anak nusa bangsa yang bermaruah serta mempunyai daya keazaman yang baik di dalam

mengekalkan arus pemikiran yang kontemporari, inklusif dan menjadikan pegangan syariat sebagai hukum kanun yang tinggi serta yang prioriti (Fariza, 2018).

Model ini diketengahkan adalah sebagai satu medium di dalam usaha melahirkan generasi yang mempunyai kekuatan daya spiritual, intelektual, penaakulan yang mendalam, serta semangat brio ketatanegaraan didalam menjadi aset yang berharga lambang yang prestij sebagai sebuah empayar yang megah. Di dalam arus kemodenan dan aliran globalisasi yang tinggi, nilai serta kemampuan yang ampuh dalam pembangunan masyarakat serta individu yang kukuh dan utuh pertimbangan bersandarkan kepada konsep zikir dan fikir hasil manifestasi pendirian aqli dan naqli lembayung duniawi ukhrawi

Selain daripada itu, penyelidikan ini melahirkan sebuah model yang holistik dan komprehensif menyentuh dalam pelbagai jenis perspektif zahiriah dan batiniah. Kajian ini juga mengetengahkan hasil daripada penggunaan metodologi yang efektif serta pelaksanaan penyelidikan yang empirikal dan berstrategi adalah hasil cetusan ideologi yang realistik dan berpegang kepada fakta yang ampuh serta utuh dalam membangunkan kembali generasi yang bertaqwa dan beriman.

Di dalam penyelidikan ini juga menerangkan secara inklusif dapatan penyelidikan yang dikumpulkan oleh penyelidik dan diterjemahkan secara keseluruhan menyentuh aspek pembolehubah yang terikat iaitu pendekatan psikologi dakwah yang merupakan medium utama penyelidik di dalam melaksanakan penyelidikan ini. Penyelidik juga menerangkan secara lengkap pendekatan psikologi dakwah yang menjadi wadah di dalam usaha melahirkan generasi masyarakat yang mempunyai kekuatan dan penguasaan yang tinggi dalam pemilikan personaliti zikir dan fikir yang komprehensif. Oleh yang demikian, bagi perspektif psikologi dakwah itu sendiri, penyelidik menekankan lima buah elemen di dalam usaha memelihara dan memelihara kembali generasi Ulul Albab asset tamadun yang mempunyai karya yang agung demi memelihara, mempertahan, memperjuang serta menegakkan tiang keadilan bangsa yang berkeramat.

Pendekatan psikologi dakwah digunakan oleh penyelidik di dalam penyelidikan ini adalah menyentuh kepada aspek *bil hikmah, mauizzah hasanah, al-mujadalah, at-tarbiah, at-tarhib wattarhib*. Kelima-lima elemen ini merupakan pembolehubah terikat bagi penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik. ianya menjadi tunjang utama seterus di dalam membangunkan serta membina kembali generasi yang agung sepertimana yang diketengahkan di dalam al-Qur'an terhadap 16 ayat yang menyandarkan kehebatan mereka di dalam menguruskan kehidupan bersandarkan al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai pedoman dalam menyeimbangkan kendiri yang berjaya duniawi serta mendapat kenikmatan beramal dengan nilai ukhrawi (HAMKA, 2015).

Impak daripada model yang diketengahkan oleh penyelidik ini adalah sebagai satu penyelesaian di dalam mengurangkan kadar permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat itu sendiri sebagai satu impak yang positif kepada pembangunan ketamadunan manusia yang hebat bertunjang kepada nilai ketatanegaraan yang utuh serta ampuh jati diri nasional (al-Attas, 2015). Pemeliharaan agama dan nilai adat resam budaya perlu dipelihara agar tidak mati ditelan zaman (al-Attas, 2015). Keupayaan di dalam mempertahankan generasi bertaqwa ini adalah hasil daripada usaha penyelidik di dalam membangunkan

sebuah sempadan negara yang menjadi aset kepada pertumbuhan akademik dan nilai sosial yang tinggi dalam kalangan masyarakat dan individu itu sendiri (al-Attas, 2015). Seperti yang sedia maklum nilai kepimpinan bermula daripada awalan (Danial, 2015). Oleh yang demikian, generasi kepimpinan negara khususnya amatlah dititikberatkan agar menjadikan model Ulul Albab ini sebagai satu matlamat di dalam melahirkan kembali generasi bertaqwa dan kukuh jati diri mereka.

Generasi Ulul Albab ini adalah mentor dan juga idola kepada seluruh anak bangsa di dalam menjadi sebuah organisme yang mempunyai harga dan nilai jati diri yang kukuh serta mempunyai keampuhan dari aspek prinsip dan nilai etika yang bermaruah berjati diri (al-Attas, 2015). Usaha ini secara tidak langsung dapat menekankan elemen yang strategik di dalam mencetuskan kembali semangat anak bangsa yang mempunyai darah yang muda dalam perjuangan menegakkan sebuah nilai estetika yang pelbagai merangkumi penaakulan pemikiran yang mendalam terhadap aspek pendidikan yang tinggi serta penguasaan nilai agama bersandarkan kepada perspektif syar'ie dan keupayaan di dalam menjadi seorang insan yang dapat memberikan manfaat kepada ummah di seluruh persekitarannya demi mencapai sebuah konsep sebuah negara yang bertamadun dan bermaruah (al-Attas, 2015).

Ulul Albab merupakan generasi yang hebat (al-Attas, 2015). Generasinya mampu mendepani sebarang dugaan dan cubaan mahupun rintangan dengan penuh tawakal dan ikhtiar yang ampuh serta mempunyai persediaan yang kukuh menyelesaikan setiap permasalahan dengan jalan yang sistematik dengan berbekalkan nilai ketakwaan kepada Allah sebagai senjata yang konkret tidak tumbang dek cemuhan tidak bangga dek pujian (al-Attas, 2015). Ulul Albab adalah kebanggaan tamadun yang unggul. Oleh itu, sebuah tamadun yang berprestij tinggi adalah perlu mempunyai lapisan generasi yang mempunyai kekuatan dan nilai daya saing yang komprehensif, holistik dalam segenap perspektif demi ketelusan dan kesinambungan sebuah generasi yang mapan kebanggaan pemikir-pemikir Islam dan pendukung nilai istiadat bangsa yang setia dan berdaulat (Tajul Arifin, 2005).

## KESIMPULAN

Elemen-elemen psikologi dakwah yang perlu digunakan yang menjadi sandaran kepada pembangunan modal penyelidik ini, adalah berteraskan kepada lima elemen iaitu pendekatan psikologi dakwah secara bil hikmah, mauIzzah Hasanah, al-mujadalah, tarbiyah, dan pendekatan psikologi tarhib dan targhib. Kelima-lima pendekatan ini telah menyentuh ke 16 Ayat Ulul Albab yang terlibat sepertimana yang dinyatakan di dalam al-Qur'an al-Karim. Kelima-lima pendekatan psikologi dakwah ini adalah ciri-ciri yang komprehensif menyentuh aspek Ulul Albab secara mendalam dan terperinci.

Enam belas ayat Ulul Albab turut diproses dan diserikan penggunaannya dalam bentuk sebuah model pembangunan generasi yang bersahsiah tinggi. Oleh yang demikian, besarlah harapan penyelidik, bahawa model ini dijadikan sebagai satu panduan dalam usaha membangunkan sebuah generasi yang hebat mampan serta mampu mendepani cabaran dengan usaha yang kuat dan tabah serta mendepani cabaran dan tidak mengelak serta menyerah diri sebelum memperjuangkan sesuatu perkara sehingga mendapatkan seperti mana yang telah dimatlamatkan.

Model yang dirangka ini boleh digunakan sebagai panduan awal bagi membentuk generasi muda yang mempunyai pegangan, bertaqwah dan kuat jati diri mereka. Generasi muda yang mempunyai kekuatan jati diri sudah tentu mempunyai kekuatan mental dan fizikal. Karakter Ulul Albab ini boleh melindungi seorang remaja daripada melakukan perkara yang terlarang oleh agama dan tidak mudah rapuh serta memiliki kekuatan mental fizikal. Pendekatan psikologi dakwah hasil manifestasi pentafsiran Hamka dalam kitab tafsir al-Azhar ini adalah acuan dan panduan di dalam membangun kembali generasi zikir dan fikir selaras dengan ketegasan serta peringatan berulang kali dalam ayat al-Quran. Ianya menandakan bahawa kepentingan pendekatan yang relevan di dalam membangunkan generasi ummah yang terbilang mengikut acuan dan peredaran masa serta melengkapkan generasi muda ke arah pembentukan pertumbuhan sosial budaya merangkumi arus kontemporari yang komprehensif.

Penyelidik berharap model yang diketengahkan ini dapat memberikan panduan untuk membina generasi muda yang bercirikan Ulul Albab mengikut ciri model daripada tafsiran Hamka. Modul ini boleh digunakan di semua peringkat sama ada sekolah, kolej dan universiti. Selain daripada itu, pelbagai kajian lain boleh diteruskan melalui kitab tafsir al-Azhar karangan Hamka. Hamka merupakan tokoh ulamak Nusantara yang banyak menyumbang kepada Islam dan kegemilangan tamadun.

## RUJUKAN

- Abidin, D.Z., (2015). *Menjadi Ulul Albab* (1st ed.). Selangor, Malaysia: PTS.
- Ariffin, H.M., (1991). *Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar Studi*. Jakarta. Bulan Bintang.
- Arifin, A.T., (2005). *Pembangunan Mahasiswa Berdasarkan Model Sinergi Bersepadu*. Kuala Lumpur. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Yayasan Istana Abdul Aziz. ASLITA Sdn. Bhd.
- Al-Attas, S.M.N., (2015). *Konsep Pendidikan Dalam Islam*. Kuala Lumpur. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Efiendi. A., (2014). *Membentuk generasi berkeperibadian Ulul Albab*. Buletin Al-Islamiyah. Melaka. Penerbit Kolej Universiti Islam Melaka.
- HAMKA., (1985). *Tafsir Al-Azhar Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur.
- Imtihanah, A.H., (2016). *Sosok Ulul Albab dalam dinamisasi hukum Islam*. Jurnal Studi Agama 3(2): 184-198.
- Kafie, J., (1993). *Psikologi Dakwah*. Surabaya Indah. Jawa Timur. Indonesia. Perpusda Kabupaten Probolinggo.
- Manaf, U.K.A., Alias, N.F. & Azman, A.H.N., (2015). *Academic Expectations of MARA Stakeholders on the Ulul Albab Curriculum at a MARA Junior Science College*. Journal of Social Science. Selangor.
- Md. Zin, A., (2006). *Ulul Albab: Pendekatan Islam Hadhari ke arah melahirkan modal insan terbilang*. Kertas Kerja Seminar Ulul Albab Anjuran Bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan Terengganu Development Institute. Kuala Terengganu.

- Md Sham, F., & Mohd Nazmi A., (2015). Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa. *Jurnal Hadhari*. Jilid 7 (2), pp. 63-73.
- \_\_\_\_\_. (2018). Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa. *Jurnal Hadhari*, Jilid 7 (2), pp. 63-73.
- \_\_\_\_\_. (2019). Kemahiran Psikologi Dakwah Kepada Golongan Remaja. *Jurnal Al-Hikmah*. Jilid 7 (1), pp. 95-101.
- Mohd Nazim, A., Md Sham, F., & Hamjah, S.H., (2015). *Ciri-Ciri Remaja Berisiko*. Tinjauan Literatur. *Jurnal Islamiyyat*. Jil. 35(1). Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Arshad, A., (2015). Ulasan sistematis: program Ulul Albab dalam sistem pendidikan di Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, vol. 3(4): pp. 22-35.